

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Harian Metro Online

TARIKH : Jumaat, 15 Disember 2017



Buku Heydar Aliyev jadi tarikan



Kuala Lumpur: Sebanyak 1,000 buku termasuk berkaitan bekas Presiden Azerbaijan, Heydar Aliyev yang diterjemah dalam bahasa Melayu dan dicetak di Malaysia antara tarikan sempena pembukaan Pameran Terokai Azerbaijan di Perpustakaan Negara, di sini, semalam.

Buku berkenaan ditulis oleh Victor Andriyanov dan Huseynbala Miralamov antaranya berkisar mengenai kehidupan pemimpin cemerlang negara itu termasuk Aliyev.

Menurut Duta Azerbaijan, Prof Dr Qaley Allahverdiyev, beliau bangga dapat mengambil bahagian di dalam proses terjemahan buku berkenaan.

“Ia bukan saja mengisahkan mengenai pemimpin kami, malah keindahan dan asal usul Azerbaijan.

“Buku ini sangat terkenal di negara kami dan laris dijual,” katanya pada sidang media majlis itu.

Hadir sama Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Datuk Nafisah Ahmad, Timbalan Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Datuk Raja Reza Raja Zaib Shah dan Ketua Pengarah MARA, Datuk Azhar Abdul Manaf.

Sementara itu, Nafisah berkata, buku berkenaan sangat bermakna kepada Azerbaijan.

“Buku ini dihantar ke semua perpustakaan di Malaysia, selain di Indonesia dan Brunei.

“Di samping itu, masyarakat umum boleh meminjam buku ini melalui dalam talian dan akan dihantar ke rumah atau pejabat,” katanya.

Penterjemah buku berkenaan, Masliza Ab Hadi berkata, pelbagai cabaran yang beliau hadapi sepanjang proses terjemahan.

“Dengan bantuan profesor (Dr Qaley) dan penterjemah dari Azerbaijan sedikit sebanyak dapat membantu saya.

“Proses terjemahan itu mengambil masa yang sangat lama,” katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 15 Disember 2017 @ 3:51 AM